

Headline	Bayaran upah simpan Ar-Rahnu YAPEIM meragukan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Letters	Circulation	192,982
Page No	36	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MY 2,848
Frequency	Daily	PR Value	MY 8,544



Bayaran upah simpan Ar-Rahnu YAPEIM meragukan

YAYASAN Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) ditubuhkan pada tahun 1976 dengan tujuan utama untuk menangani persoalan masyarakat secara realistik, bersepadu, strategik dan profesional melalui usaha meningkatkan taraf sosioekonomi, mengukuhkan tradisi keilmuan, memantapkan kebajikan ummah dan membangunkan institusi Islam demi kepentingan pembangunan ummah.

Dalam usaha untuk merealisasikan sasaran murni ini, pihak YAPEIM merancang dan menjalankan pelbagai program, antaranya Skim Sumbangan Melalui Potongan Gaji, Skim Ibadah Korban, Skim Khairat Nasional dan Ar-Rahnu YAPEIM.

Selari dengan tujuan penubuhannya, YAPEIM mengambil langkah proaktif untuk memenuhi keperluan muamalat masyarakat dengan menubuhkan Ar-Rahnu YAPEIM sebagai pilihan alternatif kepada pajak gadai konvensional.

Malah, sebelum tertubuhnya Ar-Rahnu YAPEIM, yaysan berkena-

an berkerjasama rapat dengan Bank Rakyat dalam menawarkan perkhidmatan pajak gadai secara Islam kepada masyarakat.

Ar-Rahnu adalah sistem pajak gadai yang dianggap sebagai harus. Ia berfungsi sebagai instrumen untuk masyarakat memperoleh kecairan untuk menampung keperluan dan perbelanjaan peribadi.

Malah, potensi Ar-Rahnu juga adalah jelas dalam membantu golongan peniaga di kalangan masyarakat untuk mendapatkan modal pusingan.

Namun begitu, di sebalik kemampuannya untuk membantu masyarakat menjalani kehidupan dalam suasana ekonomi yang agak mencabar, adalah amat diharapkan pihak YAPEIM dapat meningkatkan operasi perkhidmatannya terutama untuk produk ini.

Masyarakat yang memilih untuk bersama Ar-Rahnu YAPEIM perlu datang lebih awal untuk membayar upah simpan daripada tempoh matang sekiranya tempoh matang jatuh pada hari tidak bekerja.

Natijahnya, jika gagal untuk berbuat demikian masyarakat perlu membayar upah simpan untuk sebulan akan datang walaupun belum genap tempoh itu. Persoalannya adakah hal sebegini dibenarkan di sisi syariah.

Seharusnya, tertampak ketidakadilan di dalam perkara ini. Keadilan untuk kedua pihak yang bermuamalat adalah sesuatu yang termaktub jelas dalam agama Islam yang syumul ini. Pada hemat penulis, sekiranya masyarakat tidak dapat membayar upah simpan pada tempoh yang ditetapkan, mereka hanya perlu membayar berdasarkan jumlah hari yang terlebih, bukannya bagi tempoh bulan akan datang seperti yang menjadi amalan pihak Ar-Rahnu YAPEIM pada ketika ini.

**MOHD FAIZAL
KAMARUDIN,**

*Pensyarah Fakulti Pengurusan
Perniagaan Universiti Teknologi
Mara (UiTM), Shah Alam.*